

**Pemerhati ragu Pakatan bersedia untuk memerintah
Malaysian Insider
18 September, 2012
Oleh Ida Lim**

KUALA LUMPUR, 18 Sept — Pemerhati politik meragui mengenai kesediaan Pakatan Rakyat (PR) untuk memerintah Malaysia jika gabungan itu berjaya untuk merampas Putrajaya pada pilihan raya umum (PRU) akan datang, dengan mengatakan terdapat isu-isu yang tidak dapat diselesaikan dan menggugat peluang mereka.

Peguam Andrew Khoo menegaskan bahawa PR masih belum tampil dengan "kabinet bayangan" atau kerajaan menunggu, mengatakan ini telah "menyekat kredibiliti mereka".

"Walaupun mereka mempunyai dasar biasa dalam Buku Jingga... ketidakupayaan atau keengganan PR untuk membentuk kabinet bayangan... bermakna mereka tidak dapat menyuarkan apa bentuk polisi mereka," katanya malam tadi.

Khoo berkata bahawa amalan PR adalah untuk "sentiasa mempunyai jawatankuasa tiga" mewakili parti pakatan pembangkang DAP, PAS, PKR, tetapi apa yang dipersoalkan adalah, siapa paling "berwibawa" untuk bercakap mengenai dasar dicadangkan.

PR telah berjanji untuk menukar pelbagai dasar negara sebagai sebahagian daripada kempen pilihanraya, dengan cadangan baru-baru ini termasuk membuat kereta lebih murah, membanteras jenayah dan menangani isu-isu wanita.

"Saya mempunyai kebimbangan. Bagi saya, tragedi besar akan terjadi di Malaysia jika PR menang dan kemudian gagal sebagai sebuah kerajaan. Itu akan dalam beberapa cara meletakkan kemungkinan bahawa akan ada satu lagi pembangkang."

Beliau menjawab soalan mengenai sama ada PR telah bersedia untuk memerintah pada forum bertajuk "Aktivisme Politik Baru dan Penjajaran Semula: Implikasi untuk PRU 13 Malaysia" di Petaling Jaya semalam.

Bridget berkata bahawa PR masih perlu menyelesaikan perbezaan ke atas isu-isu seperti hudud dan undang-undang Islam.

Rakan ahli panel, Bridget Welsh berkata bahawa PR masih perlu menyelesaikan perbezaan ke atas isu-isu seperti hudud, undang-undang Islam, dengan menambah bahawa pengalaman pemimpin akan menjadi satu isu.

Gabungan Barisan Nasional (BN) telah menjadi satu-satunya kerajaan persekutuan di Malaysia sejak negara ini telah dibentuk, sebelum ini menggunakan nama Parti Perikatan.

PR juga akan menghadapi "cabaran bekerja dengan penjawat awam" jika mengambil alih kerajaan pusat, kata Welsh, seorang profesor madya sains politik dari Universiti Pengurusan Singapura.

"Tidak pernah parti-parti politik yang mentadbir negara, birokrasi yang memerintah negara.

"Ini adalah orang-orang yang perlu untuk turut membuat keputusan mereka," katanya, sambil menambah bahawa ia "bukan mengenai parti, tetapi semua orang yang bekerja bersama-sama".

Tetapi Welsh tidak mengatakan sama ada dia merasakan PR — yang terdiri daripada parti yang mempunyai ideologi berbeza — bersedia untuk membentuk kerajaan.

Peguam Lim Heng Seng, ahli panel ketiga, menjadi lebih optimistik tentang keupayaan PR untuk memerintah jika menang pilihan raya.

"Ia adalah satu risiko harus kita ambil. Saya tidak fikir kita perlu terlalu bimbang bahawa PR tidak akan mampu untuk memerintah," kata Lim, bekas pengerusi Mahkamah Perusahaan.

Khoo juga mengulas bahawa pembaharuan undang-undang yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak cemerlang sebagai satu latihan perhubungan awam, tetapi terdapat kekurangan jika meneliti dengan lebih dekat.

"Masalah dengan reformasi perdana menteri adalah direka dalam cara yang membuatkan ia kelihatan sangat baik... tetapi apabila anda melihat dengan teliti ... kurang kebebasan dalam apa yang beliau janjikan."

Pembaharuan perundangan muncul untuk memberi "isyarat bercampur" dan "dikira dan dijaga" dan bukannya "sepenuh hati", kata Khoo, memetik Akta Perhimpunan Aman 2012 dan Akta Seksyen 114A Keterangan 1950 sebagai contoh.

Lim Heng Seng lebih optimistik tentang keupayaan PR untuk memerintah jika menang pilihan raya.

Walau bagaimanapun, Welsh berkata bahawa "kredit" harus diberikan kepada Najib, dengan mengatakan bahawa ia mesti diiktiraf bahawa sesiapa yang membawa kerajaan BN "mempunyai warisan besar" Tun Dr Mahathir Mohamad — PM paling lama memerintah.

Kedua-dua Najib dan pendulunya Tun Abdullah Badawi telah menghadapi cabaran besar, kata Welsh, sambil menambah bahawa terdapat "penentangan terhadap pembaharuan" dalam parti mereka sendiri.

Najib, yang menjadi perdana menteri pada tahun 2009, adalah pengerusi BN dan juga parti utama gabungan — Umno.

Welsh berkata bahawa rintangan Umno untuk pembaharuan telah menyumbang kepada kerugian dalam PRU 2008, mengatakan bahawa pilihan raya akan datang menjadi ujian kesediaan mereka untuk menerima pembaharuan.

Penganalisis politik itu dalam pembentangan awal beliau berkata bahawa Umno sendiri adalah "musuh terburuk".

"Pepecahan dalam Umno sendiri adalah musuh yang paling teruk apabila datang kepada pilihan raya. Nasib mereka ditentukan oleh tingkah laku dan keputusan mereka."

Welsh berkata bahawa isu rasuah yang "berleluasa" dalam parti pemerintah telah memberikan PR "platform yang sama" untuk bekerjasama dan kelebihan berbanding BN.

"Ini adalah yang begitu mencabar bagi Najib... dia terperangkap dalam kitaran ganas."

Beliau menambah bahawa rakyat Malaysia mesti melihat politik melangkaui etnik, kelas ekonomi, dan jurang bandar-luar bandar, apatah lagi PRU 13 yang semakin hampir.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemerhati-ragu-pakatan-bersedia-untuk-memerintah/>